

SOALAN NO: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]
TARIKH :
SOALAN :

YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah 'locus standi' Kerajaan terhadap graduan pergigian yang menjalankan locum di klinik - klinik pergigian swasta di negara ini serta kesannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Lokum bagi Pegawai Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan salah satu insentif dalam pakej mengekalkan Pegawai dan Pakar Pergigian untuk terus berkhidmat dengan kerajaan. Tatacara pelaksanaan lokum telah diedar melalui Surat Pekeliling Ketua Setiausaha, KKM Bil 5 Tahun 2006 dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Bil. 2 Tahun 2010.

Kebenaran menjalankan lokum ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan kepatuhan kepada syarat-syarat kelayakan iaitu:

- dikehendaki mendapat sijil pengamalan tahunan dengan alamat pengamalan berkaitan;
- Tamat menjalani tempoh menjalani khidmat Wajib selama setahun di sektor awam seperti mana dikehendaki di bawah Akta Pergigian 1971;
- Tidak dilakukan semasa waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki menjalani tugas rasminya;
- Tidak akan dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk menjelaskan kegunaan pegawai itu sebagai seorang perjawat awam;
- Tidak akan dengan apa-apa cara berkecenderungan untuk bercanggah dengan kepentingan jabatan atau menjadi tidak konsisten dengan kedudukan pegawai itu sebagai penjawat awam;
- Mematuhi *Code of Professional Conduct* oleh Majlis Pergigian Malaysia; dan
- Mempunyai *medical indemnity insurance* bagi pelindungan diri dan pesakit.

Oleh itu, **kepentingan perkhidmatan untuk rakyat di klinik-klinik kerajaan adalah diutamakan tanpa kompromi.**